

Usia bersara dicadang 58 tahun

UM 10 DEC 2002

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu kerajaan melanjutkan usia persaraan sektor awam kepada 58 tahun berbanding 56 tahun sekarang.

Dua badan induk kesatuan sekerja itu yang sering memperlihatkan pendirian berbeza dalam tuntutan faedah pekerja, menyatakan pendirian yang sama dalam isu had usia persaraan itu malah akan membawa semula tuntutan berkenaan secara bersama tidak lama lagi.

Pemimpin-pemimpin kanan Cuepacs dan MTUC telah bertukar-tukar pandangan secara tidak formal di sini baru-baru ini berhubung isu tersebut.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata, tuntutan itu akan diteruskan dengan kerjasama MTUC setelah pihaknya mendapati wujud kecenderungan tinggi di kalangan kakitangan awam untuk berkhidmat lebih lama berbanding had usia bersara sekarang.

Peraturan

Beliau berkata, ini dapat dibuktikan apabila 95 peratus daripada lebih 960,000 kakitangan awam bersetuju menyambung perkhidmatan mereka sehingga usia 56 tahun apabila peraturan tersebut dikuatkuasakan pada 1 Oktober tahun lalu.

“Selain itu kajian kita mendapati mereka masih mampu memberikan perkhidmatan yang baik seperti mana dikehendaki oleh majikan.

“Oleh itu, kita merancang untuk menghantar memorandum bersama ini bagi mengkaji semula had umur persaraan itu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Had usia persaraan wajib bagi kakitangan awam kali terakhir dipinda pada Mac 2001 apabila kerajaan bersetuju melanjutkan umur bersara sehingga 56 tahun berbanding 55 tahun sebelum ini.

Keputusan itu sekali gus menolak permohonan awal Cuepacs yang mencadangkan supaya had umur bersara dinaikkan kepada 60 tahun.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan keputusan itu pada 17 Mac tahun lalu berkata, kerajaan bersedia menaikkan had umur persaraan kakitangan

■ Lihat muka 4

Usia bersara dicadang 58 tahun

UM 10 DEC 2002

awam secara beransur-ansur sehingga akhirnya mencecah 60 tahun.

Laporan Ekonomi 2001/02 yang dikeluarkan pada Oktober lalu menyebut bahawa pembayaran pencen dan ganjaran kepada kakitangan awam menurun sebanyak 8.6 peratus pada tahun ini kepada RM4,556 juta

berbanding RM4,891 juta tahun lalu berikutan pelaksanaan had umur persaraan yang baru.

Beberapa negara maju termasuk negara jiran, Singapura telah melanjutkan usia persaraan sehingga 60 tahun bagi kedua-dua sektor awam dan swasta.

Ketika diminta mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, satu pertemuan akan diadakan dengan MTUC bagi membincangkan perkara itu.

Ditanya bila memorandum bersama itu akan disiapkan, beliau berkata, ia akan disiapkan secepat mungkin dan bergantung kepada keadaan dalam MTUC yang pada masa ini perlu menyelesaikan isu berhubung peralihan kepimpinan.

Beliau berkata, MTUC diajak turut serta dalam tuntutan tersebut kerana kesatuan tersebut juga mempunyai ahli-ahli sektor awam.

Sementara itu Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, pihaknya sedia bekerjasama dengan Cuepacs bagi memperjuangkan had umur persaraan baru supaya dinaikkan pada tahap yang relevan dengan perkembangan masyarakat dan zaman.

Katanya, had umur persaraan di negara ini juga perlu dikaji bagi mengelak pembaziran tenaga manusia.

“Ini satu kerugian besar. Selain itu banyak negara telah meningkatkan had usia persaraan seperti Singapura yang sedang dalam usaha meningkatkan had usia persaraan daripada 60 tahun kepada 62 tahun,” katanya.